

# Pengalaman, kebolehan Rafidah diperlukan – PM

UM-15/2/2006

Sebenarnya peranan beliau selama ini adalah baik dan diterima elok oleh masyarakat dan antarabangsa

ABDULLAH AHMAD BADAWI

**PUTRAJAYA** 14 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjelaskan, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Rafidah Aziz yang dilanda kontroversi permit import kenderaan (AP) tahun lalu dikekalkan dalam Kabinet kerana beliau memerlukan pengalaman dan kebolehannya menerajui kementerian itu.

Perdana Menteri berkata, peranan Rafidah di peringkat antarabangsa khususnya berkaitan dengan kerjasama ekonomi dan perdagangan banyak memberi faedah kepada kerajaan.

“Sebenarnya peranan beliau selama ini adalah baik dan diterima elok oleh masyarakat dan antarabangsa.

“Cuma masalahnya beliau baru-baru ini dikaitkan dengan isu AP. AP bukan segala-galanya berkaitan MITI. Isu AP kini adalah satu subjek yang diletakkan di bawah satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Apa-apa masalah berkaitan dengan AP akan ditentukan oleh jawatankuasa itu. Rafidah adalah salah seorang anggotanya,” katanya pada sidang akhbar mengumumkan rombakan Kabinet, di sini hari ini.


Perdana Menteri menjawab soalan mengapa beliau masih mengekalkan beberapa menteri kanan terutama yang telah berkhidmat lebih 20 tahun.

Isu AP yang bermula pada 26 Mei tahun lalu menjadi begitu ‘panas’ dengan berapa kenyataan terbuka antara Penasihat Proton Holdings Berhad, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Rafidah.

Ia bermula dengan rasa tidak puas hati Dr. Mahathir berikutan ‘kebanjiran’ kereta import yang dilihat menjejaskan industri automotif tempatan dan bekas Perdana Menteri itu mengaitkan situasi itu dengan pengeluaran AP yang banyak.

Bagaimanapun Rafidah selaku menteri terlibat menjelaskan keadaan sebenar dan menolak dakwaan Dr. Mahathir.

Isu tersebut bagaimanapun tidak berakhir di situ apabila tidak lama selepas itu



ABDULLAH Ahmad Badawi menunjukkan senarai nama menteri yang dilantik dan digugur selepas mengumumkan rombakan Kabinet sambil diperhatikan Najib Tun Razak di Putrajaya, semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff mengkritik dasar kerajaan secara terbuka dalam sebuah akhbar berbahasa Cina.

Kabinet kemudiannya campur tangan dengan mengarahkan supaya Rafidah

membuat penjelasan secara bertulis kepada Dr. Mahathir yang kemudian Perdana Menteri menyifatkannya sebagai telah selesai.

Menurut Abdullah lagi, khidmat Rafidah masih diperlukan kerana pada

tahun ini kerajaan akan melaksanakan pelbagai rancangan bagi meningkatkan pelaburan di peringkat antarabangsa selain meneruskan usaha-usaha berkaitan kerjasama ekonomi serta perdagangan bebas.